

Radzi jurucakap rombongan

Waki Umno mengadap Raja Perlis

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

KANGAR, Rabu — Serombongan 80 orang ahli Jawatankuasa Perhubungan Umno Perlis akan mengadap Raja Perlis di Istana Arau esok berhubung dengan isu pindaan perlembagaan.

Sumber-sumber Umno mengesahkan rombongan itu akan diketuai oleh Menteri Besar, Datuk Haji Ali Ahmad yang juga Ketua Perhubungan Umno Negeri.

Rombongan itu akan dianggotai juga oleh ahli-ahli jawatankuasa dari kedua-dua bahagian — Kangar dan Arau, beserta Ketua Pemuda dan Wanita.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, merangkap Timbalan Ketua Bahagian Kangar, Encik Radzi Sheikh Ahmad dijangka menjadi jurucakap rombongan.

Ahli-ahli rombongan akan mengadakan pertemuan khas di Rumah Tetamu di sini sebelum bertolak ke Istana Arau, 8 kilometer dari sini.

Mereka juga akan mendengar penerangan dan penjelasan dari Encik Radzi mengenai pindaan Perlembagaan yang diluluskan oleh Parlimen Ogos lalu.

Berita Harian difahamkan, langkah mengadap Raja Perlis itu dipersetujui sebagai menyahut pelawaan baginda untuk berjumpa sesiapa saja untuk membuat penjelasan bagi pihak Raja-Raja.

Baginda, ketika bertitah di istiadat pengurniaan pingat-pingat Insan Ialu, melahirkan dukacita kerana rakyat tidak mendengar penjelasan mengenai itu dari pihak Raja-Raja.

Sementara itu, Bernama melaporkan

dari Kuala Lumpur bahagian-bahagian Umno pada keseluruhannya telah memberikan sokongan kepada pucuk pimpinan Umno dalam soal pindaan perlembagaan negara.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Mustafa Jabbar berkata sehingga hari ini belum ada satu bahagian pun yang menentang atau mempertikaikan pindaan kepada perlembagaan negara yang diluluskan oleh Parlimen Ogos lalu.

Bagaimanapun, beliau enggan menamakan bahagian-bahagian dan perhubungan Umno negeri yang telah menghantar telegram kepada Ibu pejabat parti menyokong Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno dalam isu pindaan itu.

"Apabila tidak ada bantangan atau pertikaian dari bahagian-bahagian atau cawangan-cawangan Umno, ini bermakna dengan sendirinya semua anggota Umno menyokong kerajaan dalam soal ini," jelas beliau.

Suatu tradisi

Datuk Mustafa berkata, memang menjadi tradisi Umno sejak ditubuhkan hingga sekarang untuk menyokong segala undang-undang, termasuk pindaan kepada perlembagaan yang diputuskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Datuk Mustafa menegaskan tidak pernah timbul bantangan oleh bahagian atau cawangan Umno mengenai mana-mana perkara yang diluluskan oleh Parlimen kerana anggota-anggota Parlimen adalah dipilih oleh rakyat di kawasan masing-masing.

"Kita mesti ingat, mereka adalah dari rakyat dan segala perkara yang diputuskan di Parlimen semuanya untuk rakyat," tambah beliau.

Beliau menjelaskan pucuk pimpinan Umno tidak pernah mengabaikan bahagian-bahagian atau perhubungan Umno negeri-negeri mengadakan mesyuarat untuk menyokong pindaan itu.